

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 MEI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

### Meningkat 3.3% berbanding 2021

Kuala Lumpur

Inflasi Malaysia pada 2022 meningkat 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus pada 2021, dengan mata indeks mencatatkan 127.2 tahun lalu berbanding 123.1 pada 2021, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkaan Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, peningkatan ini terutamanya didorong oleh makanan dan minuman (5.8 peratus), restoran dan hotel (5.0 peratus), pengangkutan (4.7 peratus) dan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (3.5 peratus).

"Peningkatan inflasi 2022 juga seiring dengan kenaikan harga majoriti komoditi, pengukuh dolar Amerika Syarikat (AS) berbanding mata wang utama dan ketegangan geopolitik antara Rusia dan Ukraine.

"Kenaikan ketara direkodkan oleh semua subkumpulan makanan dan minuman dan mencatatkan kenaikan antara 2.9 peratus hingga 8.6 peratus.

"Selain itu, kejadian seperti banjir dan tanah runtuh juga menyebabkan gangguan dalam bekalan produk pertanian, menyebabkan kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga," katanya dalam satu kenyataan selepas penerbitan laporan Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan (IHP), semalam.

Menurut Mohd Uzir, pembukaan semula sektor pelancongan pada April 2022 kepada pelancong antarabangsa memberi kesan kepada inflasi restoran dan hotel yang mencatatkan peningkatan lima peratus pada 2022 berbanding 0.4 peratus yang dicatatkan pada 2021, manakala inflasi

# Bisnes



PENINGKATAN inflasi 2022 seiring dengan kenaikan harga majoriti komoditi, pengukuh dolar AS berbanding mata wang utama dan ketegangan geopolitik antara Rusia dan Ukraine.

#### INFLASI 2022

## MENINGKAT 3.3% BERBANDING 2021

tertinggi pada 2022 dicatatkan pada Ogos 2022 pada 4.7 peratus.

"Ini (kadar inflasi tertinggi pada Ogos) adalah disebabkan oleh kesan asas yang lebih rendah pada 2021 berikutan diskau bil elektrik yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Paket Kesejahteraan Rakyat dan Pemuliharan Ekonomi Negara (Pemulih) dari Julai hingga September 2021," ka-

tanya.

Selain itu, Mohd Uzir berkata inflasi pada 2022 turut disumbangkan oleh perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (2.3 peratus); pelbagai barang dan perkhidmatan (2.0 peratus) dan perumahan, air, elektrik, gas dan Bahan Api lain (1.8 peratus).

"Walaupun terdapat peningkatan dalam majoriti item dalam bakul IHP, terdapat 17.0 peratus item

yang mencatatkan penurunan dan kekal tidak berubah dan secara tidak langsung meredakan inflasi.

"Antara barang yang menunjukkan penurunan harga adalah halia (-15.7 peratus), rambutan (-3.9 peratus) dan tali pinggang (-3.6 peratus), manakala tambang Light Rapid Transit (LRT), caj pembentangan dan majalah kekal tidak berubah," katanya.

Mohd Uzir menjelaskan inflasi bagi pengangkutan menunjukkan peningkatan yang lebih perlahan iaitu 4.7 peratus pada 2022 berband-

ding 2021 (11.0 peratus), yang disumbangkan oleh subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian yang menyederhana kepada 5.8 peratus berbanding 14.1 peratus pada 2021.

"Ini adalah disebabkan tamatnya kesan asas rendah berikutan penetapan harga siling petrol tanpa plumbum RON95 kepada RM2.05 setiap liter pada Mac 2021. Purata harga petrol tanpa plumbum RON95 pada 2022 meningkat 1.1 peratus (RM2.05) tahun ke tahun berbanding 21.2 peratus (RM2.03) pada 2021," katanya.

Kenaikan ketara direkodkan semua subkumpulan makanan dan minuman